

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD**  
**RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbang sekali lagi untuk membangun sebuah Klinik Kesihatan di Kampung Penipah, Pulau Bruit, Tanjong Manis.

**Tuan Yang di Pertua,**

Pada masa ini penduduk di Kampung Penipah, Pulau Bruit, Tanjong Manis seramai 1,487 orang mendapat perkhidmatan kesihatan di tiga (3) buah klinik kesihatan yang berdekatan iaitu Klinik Kesihatan Tekajong, Klinik Kesihatan Betanak dan Klinik Kesihatan Bruit.

Jarak perjalanan darat dari Kampung Penipah ke Klinik Kesihatan Tekajong adalah sejauh 4 km, ke Klinik Kesihatan Betanak sejauh 8 km dan ke Klinik Kesihatan Buit pula sejauh 13 km.

Buat masa ini, keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk setempat masih dapat ditampung oleh kemudahan klinik sedia ada. Walaubagaimanapun KKM akan memantau perkhidmatan yang disediakan di klinik ini dan akan menaiktaraf klinik sedia ada sekiranya ada keperluan dalam Rancangan Malaysia (RMK) akan datang.